Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga

WANITA BERDAYA SELANGOR

# Konvensyen WANITA SELANGOR 2025

## MENEROKA KEUPAYAAN, MENCIPTA KEJAYAAN

SABTU 28 JUN 2025

8.00 PAGI - 5.30 PETANG
PUSAT KONVENSYEN
SHAH ALAM (SACC)

TEMA PAKAIAN: BATIK

MALAYSIA MADANI · KITASELANGOR · visit Selangor 2025




# MENGENAI WBS

Wanita Berdaya Selangor (WBS), telah ditubuhkan pada tahun 2021 bagi merealisasikan Dasar Wanita Selangor menerusi tiga (3) teras utama iaitu

- Pembangunan Dasar dan Polisi
- Pemberdayaan Wanita
- Pembinaan Kepimpinan

WBS juga merupakan anak syarikat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dan bertindak sebagai badan pelaksana inisiatif dan program pemberdayaan wanita di bawah Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Ekonomi Penjagaan (*Care Economy*) Negeri Selangor.




# MENGENAI MYFUTUREJOBS

Portal MYFutureJobs ialah penyedia Perkhidmatan Pekerjaan Nasional di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), yang menawarkan pelbagai perkhidmatan secara percuma untuk pencari kerja dan majikan. Portal ini dilengkapi dengan teknologi AI untuk pemadanan pekerjaan, sokongan dalam proses pengambilan tenaga kerja, serta program peralihan kerjaya, termasuk inisiatif bagi individu yang terdiri daripada golongan rentan serta bekerja di sektor informal. MYFutureJobs juga menyediakan latihan peningkatan kemahiran dan kemahiran semula melalui kerjasama dengan penyedia latihan berdaftar.

Aplikasi mudah alih MYFutureJobs kini lebih mudah dan fleksibel untuk diakses melalui telefon pintar. Pengguna juga akan menerima notifikasi penting secara langsung melalui aplikasi, pencarian kerja yang lebih pantas serta pemantauan status permohonan pekerjaan terus daripada aplikasi.

# Konvensyen WANITA SELANGOR 2025

Konvensyen Wanita Selangor (KWS) bertujuan menjadi platform penting dalam memperkasakan wanita di Selangor serta memacu kemajuan yang signifikan ke arah kesaksamaan gender. Dengan mengiktiraf potensi besar wanita dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial negeri, konvensyen ini akan menghimpunkan para pemegang taruh utama, termasuk pembuat dasar, pemimpin industri, ahli akademik, dan wanita dari pelbagai latar belakang untuk membincangkan isu-isu kritikal serta meneroka penyelesaian inovatif.



# WANITA DALAM TENAGA BURUH



**56.2%** 82.3%

**Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Wanita**
Antara yang terendah di Asia Tenggara berbanding Kemboja (70%), Singapura (63%), Vietnam (69%) dan Thailand (59%)

**Kerja Penjagan Tidak Berbayar**




**Kerja Penjagaan Berbayar**




Secara global, kira-kira **379 juta wanita** berusia 25 hingga 54 tahun telah **meninggalkan tenaga kerja akibat tanggungjawab penjagaan**. Wanita juga terus mendominasi kerja penjagaan, sama ada berbayar atau tidak berbayar, dengan lebih daripada dua pertiga wanita terlibat dalam sektor ini (ILO, 2024).



Pada tahun 2023, purata gaji dan upah bulanan bagi wanita di Selangor ialah RM841, iaitu 20% lebih rendah berbanding lelaki. (DOSM, 2024)




Walaupun kadar penyertaan tenaga buruh wanita mencapai **69.7%** daripada keseluruhan populasi wanita di Selangor pada tahun 2024, **wanita hanya merangkumi 41.6% atau 1.65 juta pekerja** berbanding lelaki yang membentuk 58.4% atau 2.32 juta.




## Komponen Utama KWS

- Konvensyen Kerjaya Wanita
- Ekspo Hasil Suri Selangor (HaSSel)
- *Pitching* Usahanita Digital
- Sesi Townhall "*Gen Z Work For Future*"

## Maklumat Program

Tarikh : 28 Jun 2025 (Sabtu)
Tempat : Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC)
Masa : 8:00 pagi – 5:30 petang

## Sasaran Peserta

- Wanita yang tidak bekerja dan ingin kembali bekerja, termasuk suri rumah & ibu tunggal
- Graduan wanita yang baru tamat pengajian dan sedang mencari pekerjaan
- Usahawan wanita yang baru memulakan perniagaan
- Pelajar wanita berumur 15 hingga 17 tahun dalam bidang TVET & STEM
- Wanita profesional yang ingin meningkatkan kemahiran
- Pembuat dasar, pemimpin industri dan ahli-ahli akademik

# ATURCARA PENUH KONVENSYEN WANITA SELANGOR

Tempat: Dewan Shah Alam 1, Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC)

## MAJLIS PERASMIAN

07:30

- **Pendaftaran Peserta**

08:30

- **Ketibaan Tetamu Kehormat:**

  **YBrs. Puan Siti Faridah binti Abdul Samad**
  Ketua Pegawai Eksekutif, Wanita Berdaya Selangor

  **YB Puan Anfaal binti Saari**
  EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat
  Negeri Selangor

09:00

- **Keberangkatan Tiba D.Y.M.M Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin**

  **Sesi Bergambar**

  **Lagu Negeri Selangor**

  **Bacaan Doa**

  **Sembah Ucapan Aluan Oleh**
  **YBrs. Puan Siti Faridah binti Abdul Samad**
  Ketua Pegawai Eksekutif, Wanita Berdaya Selangor

  **Sembah Ucapan Pembukaan Oleh**
  **YB Puan Anfaal binti Saari**
  EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat
  Negeri Selangor

  **D.Y.M.M Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin** Berkenan Menyampaikan Lafaz Perasmian Konvensyen Wanita Selangor 2025

  **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU)**

  **D.Y.M.M Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin** Berkenan Mencemar Duli Melawat ke Reruai Pameran Ekspo Hasil Suri Selangor (HaSSel)

  **Santapan / Jamuan**

  **Keberangkatan Balik D.Y.M.M Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin**

## KONVENSYEN KERJAYA WANITA

### 10:15-10:30

- **Minum Pagi**

### 10:30-11:45

- **Perbincangan Panel 1**
  "Mengekalkan WANITA dalam Permainan: Mencipta Persekitaran untuk Mengekalkan Bakat Terbaik"

  **Panelis:**

  **Dr. Jasmine Begum**
  Pengarah Serantau Undang-Undang, Korporat Dan Hal Ehwal Kerajaan, Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd

  **Puan Jukhee Hong**
  Pengarah Eksekutif, ASEAN-BAC Malaysia & Pengerusi ASEAN Inclusivity Collective

  **Puan Gayathri Vadivel**
  Ketua Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)

  **Puan Natasha Alias**
  Ketua Unit Wanita MyWira, TalentCorp ***(Moderator)***

### 11:45-12:00

- **15-minit Sesi Perkongsian**
  Amalan Waktu Kerja Anjal | TalentCorp

### 12:00-13:00

- **Sesi Bengkel 1**
  Mencipta CV Kalis Masa Hadapan: Memanfaatkan AI untuk Kemajuan Kerjaya WANITA | MYFutureJobs

### 13:00-14:00

- **Makan Tengahari dan Solat**

## ACARA LAIN

### 08:30 - 17:30

- **Karnival Kerjaya MYFutureJobs**
  Dewan Shah Alam 2, SACC

  **Ekspo Hasil Suri Selangor (HaSSel)**
  Dewan Shah Alam 2, SACC

  ***Pitching* Usahanita Digital**
  Bilik Rotunda 2 & Bilik 8, Tingkat 2, SACC

  **Bimbingan Kerjaya**
  Dewan Shah Alam 2, SACC

  **MYFutureJobs On the Go**
  Dewan Shah Alam 2, SACC

  **Sesi Townhall "Gen Z Work for Future"**
  Dewan Plenari, Tingkat 1, SACC

  **Perkhidmatan Pengasuh oleh Kiddocare**
  Bilik 4, Tingkat 1, SACC

  **WBS x Kiddocare Pameran Pengalaman Keibuan**
  Foyer Dewan Shah Alam 1, SACC

## 14:00-14:10

- **10-minit Sesi Perkongsian**
  Pengenalan Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024-2026 | WBS

## 14:10-15:10

- **Perbincangan Panel 2**
  "Melangkaui Stereotaip: Memupuk Bakat WANITA dalam Teknologi dan Bidang Berteraskan Manusia"

  **Panelis:**

  **Dr. Ong Kian Ming**
  Ahli Lembaga Pengarah MIDA & Mantan Timbalan Menteri MITI

  **Dr. Haniza Khalid**
  Ahli Majlis, Majlis Perundingan Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor

  **En. Mohd Afifi Zahari**
  Ketua Pegawai Sumber Manusia, CARSOME

  **YB Lim Yi Wei**
  Ahli Dewan Negeri, Kampung Tunku ***(Moderator)***

## 15:10-15:15

- **Minum Petang**

## 15:15-16:00

- **Sesi Bengkel 2**

| Bilik Teknologi Digital/AI | Bilik TVET / STEM | Bilik Ekonomi Penjagaan |
|---|---|---|
| **Memulakan Perniagaan Dalam Talian**<br>*Langkah praktikal untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan dalam talian, termasuk membina laman web, strategi pemasaran digital, dan penggunaan media sosial.*<br><br>**Oleh: Shopee**<br><br>Lokasi: Bilik 9, Tingkat 2, SACC | **Dari Enjin ke Pemeriksaan: Meneroka Industri Automotif**<br>*Pengenalan kepada industri automotif dan keperluan untuk menjadi seorang pemeriksa kenderaan.*<br><br>**Oleh: CARSOME Academy**<br><br>Lokasi: Bilik Rotunda 1, Tingkat 1, SACC | **Membangunkan Perkhidmatan Penjagaan Berkualiti**<br>*Perbincangan mengenai cara membangun dan mengendalikan perkhidmatan penjagaan berkualiti tinggi, termasuk aspek pengurusan, latihan pekerja, dan kepuasan pelanggan.*<br><br>**Oleh: Kiddocare**<br><br>Lokasi: Bilik 3, Tingkat 1, SACC |

## 16:00-17:00

- **Sesi Bengkel 3**

| Bilik Teknologi Digital/AI | Bilik TVET / STEM | Bilik Ekonomi Penjagaan |
|---|---|---|
| **Pemanfaatan Data untuk Perniagaan 101: Asas Penggunaan Alat Data & AI bagi Produktiviti Operasi Perniagaan**<br>*Bengkel ini direka untuk membantu perniagaan memahami asas pemanfaatan data dan penggunaan alat kecerdasan buatan (AI) dalam operasi harian.*<br><br>**Oleh: Hayat Technologies Sdn Bhd**<br><br>Lokasi: Bilik 9, Tingkat 2, SACC | **Teknik Asas Robotik**<br>*Sesi praktikal yang memperkenalkan teknik asas robotik, termasuk membina dan memprogramkan robot menggunakan kit robotik.*<br><br>**Oleh: RoboThink Malaysia**<br><br>Lokasi: Bilik Rotunda 1, Tingkat 1, SACC | **Memulakan Perniagaan Penjagaan / Pengasuhan Kanak-Kanak di Rumah:**<br>*Panduan langkah demi langkah untuk memulakan perniagaan penjagaan kanak-kanak di rumah, termasuk pelesenan, pemasaran, dan pengurusan kewangan.*<br><br>**Oleh: Persatuan TASKA, TADIKA dan Pusat Jagaan Negeri Selangor**<br><br>Lokasi: Bilik 3, Tingkat 1, SACC |

## 17:00-17:10

- **Ucapan Penutup**
  Menentukan Masa Depan WANITA: Pelajaran Utama dan Laluan Masa Depan WANITA

  **Oleh: YBrs. Puan Siti Faridah Abdul Samad**
  Ketua Pegawai Eksekutif, Wanita Berdaya Selangor (WBS)

## 17:10-17:20

- **Sesi Penghargaan dan Bergambar Bersama Rakan Kerjasama Strategik**

## 17:20-17:30

- **Bersurai**

# KONVENSYEN KERJAYA WANITA




Objektif Utama: Meningkatkan Penyertaan Wanita Dalam Tenaga Kerja

- Mengenal pasti dan menangani halangan sistemik yang menyukarkan kemasukan dan pengekalan wanita dalam tenaga kerja, seperti akses kepada penjagaan kanak-kanak, waktu kerja yang anjal, dan diskriminasi berasaskan gender.

- Memperjuangkan dasar dan inisiatif yang menyokong kemajuan kerjaya wanita, termasuk latihan kemahiran, program bimbingan, dan akses kepada peranan kepimpinan.

- Menggalakkan budaya keseimbangan kerja-hidup serta mendorong majikan untuk mengadaptasi dasar yang mesra keluarga.

# BARISAN PANELIS, MODERATOR DAN PEMBENTANG

## Perbincangan Panel 1:

**Mengekalkan WANITA dalam Permainan:**
Mencipta Persekitaran untuk Mengekalkan Bakat Terbaik



*Moderator*
**Puan Natasha Alias**
Ketua Unit Wanita MyWira, TalentCorp



*Panelis*
**Puan Jukhee Hong**
Pengarah Eksekutif, ASEAN-BAC Malaysia & Pengerusi ASEAN Inclusivity Collective



*Panelis*
**Puan Gayathri Vadivel**
Ketua Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan , PERKESO



*Panelis*
**Dr. Jasmine Begum**
Pengarah Serantau Undang-undang Korporat dan Hal Ehwal Kerajaan , Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd

## Perbincangan Panel 2:

**Melangkaui Stereotaip:** Memupuk Bakat WANITA dalam Teknologi dan Bidang Berteraskan Manusia



*Moderator*
**YB Lim Yi Wei**
Ahli Dewan Negeri Kampung Tunku



*Panelis*
**Dr. Ong Kian Ming**
Ahli Lembaga Pengarah MIDA dan Mantan Timbalan Menteri MITI



*Panelis*
**Dr. Haniza Khalid**
Ahli Majlis, Majlis Perundingan Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor



*Panelis*
**En. Mohd Afifi Bin Zahari**
Ketua Pegawai Sumber Manusia, CARSOME

# SESI PERKONGSIAN

**11:45am - 12:00pm**

**Amalan Waktu Kerja Anjal | TalentCorp**
*Terokai kesan transformatif aturan waktu kerja anjal bagi wanita dan ibu bekerja. Ketahui bagaimana amalan ini meningkatkan produktiviti dan membolehkan wanita berkembang maju secara peribadi dan profesional.*

**02:00pm - 02:10pm**

**Pengenalan Dasar & Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024-2026 | WBS**
*Pengenalan mengenai Dasar yang bertujuan untuk memberdaya wanita dari segi ekonomi, sosial dan kepimpinan. Terokai bagaimana inisiatif seperti meningkatkan tenaga buruh wanita, sokongan keusahawanan, dan program kepimpinan dapat membantu wanita membina masa depan setelah rehat bekerjaya.*

# SESI BENGKEL 1 & 2

**12:00pm - 01:00pm**

**Mencipta CV Kalis Masa Hadapan: Memanfaatkan AI untuk Kemajuan Kerjaya WANITA**
*Alat AI dapat membantu menyesuaikan CV untuk melepasi sistem penapisan permohonan. Dengan memanfaatkan AI, wanita dapat menambahbaik kualiti CV mereka, menjadikan mereka lebih kompetitif dan bersedia untuk masa hadapan.*

**MYFutureJobs**

**2:15pm - 03.00pm**

**Memulakan Perniagaan Dalam Talian**
*Langkah praktikal untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan dalam talian, termasuk membina laman web, strategi pemasaran digital, dan penggunaan media sosial.*

**Shopee Malaysia**

**2:15pm - 03.00pm**

**Dari Enjin ke Pemeriksaan: Meneroka Industri Automotif**
*Pengenalan kepada industri automotif dan keperluan untuk menjadi seorang pemeriksa kenderaan.*

**CARSOME Academy**

**2:15pm - 03.00pm**

**Membangunkan Perkhidmatan Penjagaan Berkualiti**
*Perbincangan mengenai cara membangun dan mengendalikan perkhidmatan penjagaan berkualiti tinggi, termasuk aspek pengurusan, latihan pekerja, dan kepuasan pelanggan.*

**Kiddocare Sdn Bhd**

# SESI BENGKEL 3

**4.00pm - 5.00pm**

**Pemanfaatan Data untuk Perniagaan 101: Asas Penggunaan Alat Data & AI bagi Produktiviti Operasi Perniagaan**

*Bengkel ini direka untuk membantu perniagaan memahami asas pemanfaatan data dan penggunaan alat kecerdasan buatan (AI) dalam operasi harian.*

**Hayat Technologies Sdn Bhd**

**4.00pm - 5.00pm**

**Teknik Asas Robotik**

*Sesi praktikal yang memperkenalkan teknik asas robotik, termasuk membina dan memprogramkan robot menggunakan kit robotik.*

**RoboThink Malaysia**

**4.00pm - 5.00pm**

**Memulakan Perniagaan Penjagaan / Pengasuhan Kanak-Kanak di Rumah**

*Panduan langkah demi langkah untuk memulakan perniagaan penjagaan kanak-kanak di rumah, termasuk pelesenan, pemasaran, dan pengurusan kewangan.*

**Persatuan TASKA, TADIKA & Pusat Jagaan Selangor**



# KARNIVAL KERJAYA MYFUTUREJOBS




## SENARAI PEMPAMER

SOLS foundation
PROTON
GDEX
CARSOME
sodexo
UiTM PRIVATE SPECIALIST CENTRE
SAFEGUARDS Secure Solution
Kiddocare
CoffeeBot
Columbia Asia Right Here For You
NIOSH
SUSHI KING
Canon
LINKK BUSWAY SYSTEMS
MYDIN
WANG-ZHENG BERHAD
EDEN
HeiTech
Beaconhouse
Lotus's
myNEWS
ROBOTHINK Build, Code and Play with Robots
YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN
Thai Odyssey
FOCUS POINT
guardian
QL Kitchen Sdn. Bhd.
APC READINESS GLOBAL SDN BHD

## Bimbingan Kerjaya

Bimbingan Kerjaya menyediakan sokongan menyeluruh kepada pencari kerja melalui pemadanan pekerjaan, latihan kemahiran, dan bimbingan kerjaya. Platform ini membantu individu mendapatkan khidmat nasihat berkaitan peluang pekerjaan yang sesuai dengan kemahiran mereka, termasuk program peningkatan kemahiran dan membantu pencari kerja yang ingin beralih kerjaya untuk memasuki pasaran kerja dengan lebih yakin.




## MyFutureJobs On The Go

MyFutureJobs On The Go menyediakan pengalaman yang menarik kepada peserta dan pengunjung melalui permainan interaktif ke karnival kerjaya. MYFutureJobs on the Go bertujuan sebagai platform dalam mempromosikan MYFutureJobs sebagai portal pekerjaan negara serta meningkatkan kesedaran pengunjung berkenaan perkhidmatan yang disediakan.



# EKSPO HASIL SURI SELANGOR (HaSSel)

Objektif Utama: Meningkatkan Pemerkasaan Ekonomi Wanita

- Memperkasa wanita melalui keusahawanan dengan menyediakan akses kepada pembiayaan, bimbingan, dan rangkaian pasaran.
- Menggalakkan pertumbuhan perniagaan milik wanita serta meningkatkan penyertaan mereka dalam arus perdana ekonomi negeri.
- Menangani jurang gender dalam pendapatan dan kekayaan dengan memperjuangkan gaji setara untuk kerja setara serta mempertingkatkan keterangkuman kewangan bagi wanita.



# *PITCHING* USAHANITA DIGITAL




## Objektif Usahanita Digital

- Mewujudkan kesedaran dalam kalangan wanita muda tentang program e-usahawan dan memberi peluang kepada bakal peserta untuk berinteraksi secara langsung dengan tenaga pengajar e-usahawan yang mempunyai kepakaran dan berpengalaman.

- Memberikan pendedahan kepada golongan usahawan wanita muda tentang trend teknologi terkini dan aplikasi yang berkaitan dengan e-dagang dan pemasaran digital.

- Mengembangkan bakat dan kemahiran usahawan wanita muda di dalam mengendalikan perniagaan melalui digital media.

**Rakan Kolaborasi Usahanita Digital**

1. Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI) menerusi Platform Selangor (PLATS)
2. Selangor Information Technology and Digital Economy Corporation (SIDEC)
3. Yayasan Hijrah Selangor
4. Yayasan Peneraju

**Sasaran Peserta**

1. Wanita kelahiran atau bermastautin di Negeri Selangor sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.
2. Wanita berumur 21 tahun sehingga 45 tahun.
3. Memiliki perniagaan sendiri (Produk atau Perkhidmatan).
4. Kelebihan bagi yang berdaftar dibawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

# Tempoh Masa Sesi *Pitching*

| TEMPOH MASA | SESI PITCHING | AKTIVITI |
|---|---|---|
| **10 Minit (Setiap Peserta)** | **7 Minit** | **Sesi Pembentangan:**<br>• Laman Sesawang Perniagaan (*secara live*)<br>• Teknik Pemasaran, Teknik Jualan dan Perancangan Pembiayaan<br>• *Business Modal Canvas* (BMC) |
| | **3 Minit** | **Sesi Soal Jawab Bersama Panel Penilai (Pemain Industri)** |

# GARIS MASA PELAKSANAAN USAHANITA DIGITAL

**1**
**IKON USAHANITA DIGITAL**

FASA 1
**Perasmian & Bengkel Asas (200 peserta) 10 April 2025**

Sesi Taklimat Bengkel Pembangunan Kapasiti (Atas Talian) 25 April 2025

FASA 2
**Perasmian & Pembangunan Kapasiti (150 peserta) 29 & 30 April 2025**

FASA 3
**Bazar USAHANITA DIGITAL (100 peserta) 25 Mei 2025**

FASA 4
**Sesi Pitching (50 peserta) 28 Jun 2025**

FASA 5
**Majlis Anugerah IKON USAHANITA DIGITAL (10 Finalis) 10 Julai 2025**






## Perkhidmatan Pengasuh oleh Kiddocare

Perkhidmatan Pengasuh oleh Kiddocare menyediakan solusi penjagaan anak bagi membolehkan para peserta memberi tumpuan kepada pembangunan profesional dan rangkaian semasa acara, sementara anak-anak mereka dijaga dalam persekitaran yang selamat dan bermanfaat.

## WBS x Kiddocare : Pameran Pengalaman Keibuan

Pameran Pengalaman Keibuan merupakan pameran tentang pengalaman keibuan yang mendedahkan beban yang sering tidak kelihatan bagi ibu bekerja. Melalui simulasi, tinjauan pendapat, dan kisah anonim, ia mengumpul maklum balas sebenar untuk mengubah pengalaman hidup menjadi maklumat berasaskan data bagi memperkukuh dasar di tempat kerja yang benar-benar menyokong keibubapaan dan kesaksamaan gender.



**JAWATANKUASA TETAP PEMBERDAYAAN WANITA & KELUARGA, KEBAJIKAN MASYARAKAT DAN EKONOMI PENJAGAAN (CARE ECONOMY) NEGERI SELANGOR**

Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

**WANITA BERDAYA SELANGOR (WBS)**

IDCC Ideal Convention Centre Shah Alam
Level G30, Jalan Pahat L 15/L,
Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Dengan Kerjasama :

Rakan Strategik :

@wanitaberdayaselangor

www.wbselangor.org.my